

Jangan panik, bekalan makanan mencukupi walaupun PKP dilanjutkan

SHAH ALAM - Bekalan makanan di Malaysia mencukupi, malah terdapat lebihan walaupun Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) terpaksa dilanjutkan.

Timbalan Dekan Fakulti Pertanian Universiti Putra Malaysia (UPM), Profesor Dr Anjas Asmara Samsudin berkata, masyarakat tidak perlu panik kerana permintaan lebih rendah berbanding jumlah pengeluaran semasa bagi beberapa jenis makanan utama.

Menurutnya, jika bekalan makanan import terjejas, ia tidak begitu kritikal kerana pengeluaran tempatan masih ada bagi menampung permintaan.

“Seperti yang dinyatakan kerajaan, jumlah bekalan beras konsisten, produk protein seperti telur dan daging ayam juga mencukupi untuk menampung permintaan. Ayam sahaja pengeluarannya sebanyak 57 hingga 59 juta ekor sebulan, berbanding permintaan seba-

nyak 43 hingga 45 juta ekor sebulan.

“Pengeluaran telur pula dianggarkan sebanyak 800 juta sebulan berbanding permintaan tempatan sebanyak 620 hingga 630 juta. Ia akan kekal untuk beberapa bulan lagi jika PKP tamat dalam masa terdekat,” katanya ketika menjadi ahli panel Wacana *Sinar Harian* Siri 165 bertajuk Covid-19: Bila Malaysia Akan Pulih? yang disiarkan secara langsung di Facebook *Sinar Harian* semalam.

Mengulas lanjut, Dr Anjas Asmara berkata, keyakinan itu bertambah apabila golongan petani dan penternak kini kembali melakukan rutin mereka selepas kerajaan membenarkan operasi sektor berkenaan diteruskan.

“Bekalan negara memang mencukupi dan ia menunjukkan petani serta penternak melakukan kerja seperti biasa,” katanya.

Sementara itu, menurutnya, situasi

yang berlaku kini membuka ruang kepada masyarakat untuk meneroka bidang pertanian dan penternakan yang disifatkan mempunyai prospek luas dalam memperkuatkkan aspek ‘kedaulatan makanan negara’.

Beliau berkata, ‘kedaulatan makanan negara’ merujuk kepada hak untuk setiap rakyat mendapatkan makanan sihat yang dihasilkan melalui kaedah lestari dan hak menentukan sistem makanan serta pertanian mereka sendiri tanpa penglibatan pihak luar.

“Peluang untuk semua jadi saudagar pertanian adalah tinggi. Kebanyakan golongan ini di Malaysia bukan daripada latar belakang pertanian tetapi ada juruterma dan sains komputer tetapi mereka beralih arah kerana nampak peluang. Semua orang perlukan makanan.

“Golongan petani ini menjalankan fardu kifayah kerana mereka membelikan makanan kepada manusia untuk

terus hidup dan dapat beribadah. Kalau melihat perspektif itu, petani perlu dihormati,” katanya.

Dr Anjas Asmara berkata, minda masyarakat perlu lebih terbuka bahawa pertanian tidak sekadar terhad di luar bandar tetapi boleh berlaku walaupun di balkoni kediaman bertingkat.

“Sebelum ini, kebanyakan aktiviti pertanian lebih tertumpu di luar bandar. Jadi, sekarang ini penting untuk menarik penglibatan pertanian mendekati kawasan urban dan suburban serta dilaksanakan berdasarkan Revolusi Industri 4.0.

“Bagaimana untuk bertani di kawasan yang terhad? Itu pentingnya teknologi terkini diguna pakai. Kawasan urban juga boleh menjana sumber pendapatan baharu yang disokong pula dengan perkhidmatan penghantaran yang boleh memaksimumkan pendapatan,” kata beliau.